

UMNO tidak kebal – Najib

um - 11/9/2006

Oleh **HAMDEN RAMLI**

KUALA LUMPUR 10 Sept. – Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa parti itu tidak kebal daripada sebarang tindakan yang boleh menghancurkannya.

Beliau berkata, UMNO boleh menjadi lemah, malah hancur, jika ahli-ahlinya lari daripada prinsip perjuangan parti sebagai pembela nasib orang Melayu.

Sehubungan itu, beliau mahu ahli-ahli UMNO tidak leka, sebaliknya sentiasa berpegang teguh kepada teras perjuangan parti yang akan menjamin kelangsungan UMNO sebagai parti utama pemerintahan negara.

“Jangan kita lupa bahawa dalam politik, tidak ada kekebalan dan ini termasuk UMNO itu sendiri,” katanya ketika berucap merasmikan secara serentak Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kepong dan mesyuarat ketiga-tiga sayap perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri bahagian itu di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ketua Wanita Bahagian Kepong, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Kamaruddin Ambok dan Ketua UMNO Bahagian Kepong, Senator Datuk Rizuan Abd. Hamid.

Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri menegaskan, oleh kerana politik membabitkan perjalanan yang jauh, prinsip yang jelas perlu diterapkan dalam perjuangan.

Katanya, ahli-ahli UMNO perlu berpegang kepada prinsip kesetiaan kepada pemimpin kerana ia mampu menjamin keutuhan parti walau apa cabaran melanda.

“Saya sendiri berpegang kepada prinsip itu. Sebagai Timbalan Presiden saya tetap setia kepada Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi,” katanya.

Beliau menambah, perkara tidak elok dalam politik termasuk menghalalkan sebarang cara untuk mendapatkan kedudukan, jatuh menjatuhkan sesama rakan politik tidak seharusnya dijadikan amalan.

Dalam politik, jelas beliau, perlu ada prinsip setiakawan.

“Biar banyak kawan dan jangan ramai musuh, kerana jika kita banyak kawan dan bersabar satu hari nanti kita akan mendapat ganjaran berkat kesabaran kita itu,” katanya.

Najib turut mengingatkan ahli UMNO khususnya pemimpin muda tentang kuasa.

“Jika anda menyalahgunakan kuasa, anda akan kehilangan kuasa itu. Guna dengan bijak dan jangan sesekali menyalahgunakannya kerana jika terus dilakukan, anda akan menjadi tidak berkuasa,” katanya.

Najib berkata, ahli-ahli UMNO perlu sama-sama berusaha memastikan setiap golongan rakyat mendapat manfaat daripada projek yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Katanya, hanya dengan cara itu kepercayaan rakyat terhadap kerajaan dan UMNO tidak akan pudar.

Beliau menambah, ahli-ahli UMNO perlu mengambil berat saranan itu kerana berdasarkan sejarah, terdapat keputusan pilihan raya umum yang jelas tidak memihak kepada UMNO.

Menurut Najib lagi, komitmen dan kesungguhan anggota parti meneruskan perjuangan membela nasib rakyat akan menjadikan UMNO sebuah parti politik yang dikagumi dan tetap teguh serta padu walaupun usianya kini melebihi setengah abad.

UMNO boleh menjadi lemah, malah hancur, jika ahli-ahlinya lari daripada prinsip perjuangan parti sebagai pembela nasib orang Melayu

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Presiden
UMNO